

Kerajaan jamin rakyat tidak dibebani pelbagai cukai

BH 17 SEP. 2002

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Kerajaan tidak akan membebaskan rakyat dengan pelbagai cukai, sebaliknya hanya mereka yang berpendapatan lumayan perlu membayar cukai, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, walaupun cukai amat perlu bagi pembangunan negara, kerajaan tidak berhasrat menekan rakyat melalui kutipan cukai yang tidak sepatutnya.

"Kita tidak berhasrat menekankan rakyat dengan terlalu banyak cukai tetapi mereka yang dikenakan cukai, mestilah bayar cukai mereka. Tidak ada tekanan sebenarnya, hanya ada usaha yang lebih gigih, lebih jujur, lebih ikhlas untuk mengutip cukai.

"Dengan itu kedudukan kewangan negara adalah sihat walaupun kita menghadapi banyak cabaran termasuk kegawatan ekonomi, krisis mata wang yang sepatutnya menjadikan kita begitu miskin.

"Tetapi Alhamdulillah, kita dapat mengatasi masalah ini. Kita dapat memulihkan ekonomi negara dengan usaha kita sendiri. Satu daripada sebab ialah kerana kedudukan kewangan kita begitu kukuh sekali termasuk tabungan di Malaysia ini," katanya ketika berucap di Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan dan majlis perasmian bangunan baru Perbendaharaan di sini, hari ini.

Ini adalah perhimpunan bulanan pertama di kompleks baru itu, yang mula diduduki sejak 1 Ogos

lalu. Kira-kira 2,400 kakitangan menghadiri majlis itu termasuk upacara bacaan ikrar dan penyampaian sijil anugerah khidmat cemerlang.

Dr Mahathir kemudian meninjau sekitar bangunan baru itu serta memasuki pejabatnya yang baru selaku Menteri Kewangan di Tingkat 12 blok utama. Dua blok lagi masing-masing setinggi lapan tingkat.

Kompleks yang terdiri daripada tiga blok itu memenangi Anugerah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 2002 sebagai bangunan yang mempunyai reka bentuk seni bina terbaik serta projek bangunan pejabat terbaik.

Pereka bentuknya ialah GDP Arkitek Sdn Bhd manakala bangunan itu dibina oleh Putra Perdana Construction Sdn Bhd.

Beliau berkata kerajaan tidak meminjam duit daripada sumber luar kerana ia mengutip cukai daripada rakyat dan syarikat, dan duit itu dapat digunakan untuk pembangunan negara.

"Di banyak negara, cukai tidak dapat dipungut, terutamanya cukai pendapatan, jadi sukar untuk mereka membayar gaji kakitangan awam dan membangunkan negara. Malah ramai pemimpin asing hairan apabila diberitahu yang Malaysia membangun hasil daripada duit yang dikutip melalui cukai," katanya.

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan awam yang baik dan cekap juga membantu dalam membangunkan negara dengan sempurna.

Malah, sejak beberapa

tahun kebelakangan ini hasil cukai pendapatan meningkat 26 peratus ekoran kecekapan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

"Agensi seperti LHDN dan Jabatan Kastam Eksais Diraja sekarang menetapkan sasaran jumlah cukai yang perlu dikutip tetapi ini tidak bermakna rakyat ditekankan untuk membayar cukai," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, kedudukan kewangan negara sekarang sihat selepas mengatasi kegawatan ekonomi dan krisis mata wang beberapa tahun dulu.

Salah satu sebab kedudukan kewangan negara kukuh ialah kerana Malaysia mempunyai tabungan yang tinggi dengan RMI bilion dikutip melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) setiap bulan.

"Tabungan dalam KWSP sudah mencecah RM200 bilion dan wang itu ditadbir dengan cekap dan kadang-kadang ada juga masalah tetapi kita dapat atasi semua itu.

"Malah, pengurusan baik oleh Bank Negara Malaysia (BNM) adalah satu lagi faktor penyumbang kepada kedudukan kukuh kewangan negara sehingga bank pusat itu kini disegani. Beberapa negara mahu Malaysia membantu menyusun pentadbiran kewangan mereka," katanya.

Beliau berkata, pentadbiran kewangan yang baik menjamin pertumbuhan ekonomi pesat dan meningkatkan pendapatan perkapita penduduk yang sekarang berada di tahap US\$4,000 (RM15,200) seorang.